



## 004-Variasi Teks Definisi Ilmu Tahrirat Al-Qiraat oleh Sarjana Turath dan Kontemporari

\*Wan Muhammad Hafizuddin W. A. Halim<sup>1</sup>

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak.

\*E-mel: hafizuddin@fsk.upsi.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menghimpunkan semua teks definisi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang diungkapkan oleh *al-muharrirun* generasi silam dan kontemporari. Kajian juga cuba menganalisis aspek perbezaan dan persamaan semua definisi tersebut. Kajian sepenuhnya berbentuk penyelidikan kualitatif melalui kaedah analisis karya-karya sarjana silam dan kontemporari. Kajian ini berjaya menghimpunkan sejumlah 26 definisi yang diungkapkan oleh 22 orang sarjana. Hasil analisis juga mendapati wujud persamaan dan perbezaan antara definisi-definisi tersebut dari tiga aspek iaitu struktur ayat, pemilihan perkataan dan elemen dasar *tahrirat*.

**Kata kunci:** Definisi, terminologi, tahrirat al-qiraat, al-qiraat, elemen tahrirat.

### PENDAHULUAN

Ilmu *Tahrirāt al-Qirā'āt* merupakan salah satu cabang kemuncak dalam ilmu *Qirā'āt*. Secara ringkas, ilmu ini membahaskan tentang proses penelitian terhadap kaedah-kaedah bacaan qiraat, riwayat-riwayat dan jalur-jalur *ṭariq* dari pelbagai sudut yang mana antara objektif utamanya adalah untuk mengelakkan berlakunya *tarkib*<sup>2</sup> ketika bacaan.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

<sup>2</sup> *Tarkib* dalam bacaan Qiraat adalah pertindihan bacaan antara satu jenis qiraat dengan qiraat yang lain dalam satu bacaan tanpa mengulang kembali kaedah-kaedah bacaan yang berbeza antara jenis-jenis qiraat tersebut. Lihat Ibrahim bin Saïd al-Dawsari, *Mukhtaṣar al-Ibarat li Mu'jam Muṣṭalahāt al-Qiraat* (Riyadh: Dār al-Ḥadharah, 2008), 29, 46.

<sup>3</sup> Al-Azmīri Muṣṭafā bin 'Abd al-Raḥmān, *'Umdah al-'Irfān fī Tahrīr Awjuh al-Qur'ān*, ed. Muḥammad Jābir dan 'Abd al-'Azīz al-Zayyāt (Kāherah: Maktabah al-Jundī, 2006), 3. Lihat juga 'Abd al-Rāziq Mūsā, *Tadrīb al-Ṭalabah 'alā Tahrīrāt al-Ṭayyibah*, (Kuwait: Ghirrās, 2008), 26. 'Āmir bin al-Sayyid 'Uthmān, *Fath al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Fath al-Karīm*, ed. 'Alī Muḥammad Tawfiq al-Naḥḥās, (Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah, 2012) 3. Ḥāb Aḥmad Fikrī, *Taqrīb al-Ṭayyibah*, cet. ke-2 (Kaheerah: Maktabah al-Islāmiyyah, 2010), 589.



Pasca era Imam Ibn al-Jazari (w.833H)<sup>4</sup> memperlihatkan perkembangan ilmu ini ke satu tahap yang lebih tinggi. Hal ini terbukti dengan kelahiran ramai sarjana *tahrirat* yang dikenali sebagai *al-muharrirun* bersama karya masing-masing yang mana sebahagian besarnya menjadi rujukan sehingga kini. Antaranya adalah Muḥammad al-‘Awfī (wafat sekitar 1050H)<sup>5</sup>, Sulaymān al-Manṣūrī (w.1134H)<sup>6</sup>, Mustafa al-Azmīrī (w.1156H)<sup>7</sup>, merupakan generasi sarjana kurun ke-12H yang mencetuskan perkembangan pesat ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* dengan penghasilan karya-karya khusus dalam *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* dan *Tahrīrāt al-Ṭayyibah*.<sup>8</sup>

Kurun ke-13H dan 14H pula menyaksikan kelahiran generasi pakar yang meneruskan kesinambungan ilmu ini yang mana sebahagian daripada mereka mempunyai *manhaj* yang tersendiri yang tidak terikat dengan generasi sebelumnya. Antaranya Muhammad al-Mutawallī (w.1313H/1895M)<sup>9</sup>, Khalaf al-Ḥusaynī (w.1342H)<sup>10</sup>, Hilālī al-Ibyārī (wafat sekitar 1331H)<sup>11</sup>, al-Khalījī (w.1389H)<sup>12</sup>, Ali al-Ḍabbā‘ (w.1380H) dan tokoh-tokoh lain.<sup>13</sup>

Tokoh-tokoh terkini seperti, al-Zayyāt (w.1424H)<sup>14</sup>, al-Samannūdī (w.1429H)<sup>15</sup>, ‘Āmir

---

<sup>4</sup> Abū al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf al-Jazarī. Lahir pada 751H di Damsyik dan wafat pada 833H. Lihat Al-Barmāwī Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn, *Imtā’ al-Fuḍalā’ bi Tarājim al-Qurrā’*, cet. ke-2 (Madīnah: Maktabah Dār al-Zamān, 2007), 3:299.

<sup>5</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-‘Awfī. Lihat *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 4:73.

<sup>6</sup> ‘Alī bin Sulaymān bin ‘Abd Allāh al-Manṣūrī. Lahir di Mesir pada pertengahan kurun ke-11 Hijrah dan wafat di Askadār tahun 1134H. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 3:299.

<sup>7</sup> Muṣṭafā bin ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad al-Azmīrī. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 4:625.

<sup>8</sup> Al-Mutawallī, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 62. Lihat juga Al-Ḍabbā‘, *Sharḥ Ithāf al-Bariyyah*, 33.

<sup>9</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-Mutawallī atau al-Mutawalla. Lahir di Kaherah pada tahun 1250H dan wafat pada 12 Rabī‘ al-Awwal 1313H. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 4:30.

<sup>10</sup> Ḥasan bin Khalaf al-Ḥusaynī. Wafat pada 25 Sha‘bān 1342H. Merupakan guru kepada Al-Ḍabbā‘ dan murid kepada Al-Mitwallī. *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 2:442.

<sup>11</sup> Muḥammad bin Muḥammad Hilālī al-Ibyārī. Lahir di Ibyār, Mesir dan dikatakan masih hidup sehingga 1331H. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 4:486.

<sup>12</sup> Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Khalījī. Lahir di Iskandariah, Mesir pada 5 Zulhijjah 1292H dan wafat pada 20 Zulhijjah 1389H. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 4:243.

<sup>13</sup> Al-Zayyāt, *Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*, 8-9.

<sup>14</sup> Aḥmad ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad bin Muḥammad al-Zayyāt. Dilahirkan di Kaherah pada 1325H. Wafat pada hari Ahad 16 Sha‘bān 1424H di Kaherah. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 1:30.

<sup>15</sup> Ibrāhīm bin ‘Alī bin ‘Alī al-Samannūdī. Dilahirkan di Samannūd, Mesir pada 23 Sha‘bān 1333H bersamaan 5 Julai 1915. Wafat pada 1429H. Lihat Al-Barmāwī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 2:311.



al-Sayyid ‘Uthmān (w.1429H)<sup>16</sup>, Īhāb Aḥmad Fikrī<sup>17</sup>, Tamīmī al-Zu‘bī<sup>18</sup>, al-Dawsarī<sup>19</sup> dan lain-lain juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam usaha memperkembangkan dan menonjolkan ilmu tersebut supaya lebih dikenali dan difahami.<sup>20</sup>

Seiring dengan perkembangannya, para sarjana terdahulu dan terkini dalam bidang ini berusaha memberikan definisi terminologi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang tepat mencakupi perbincangan ilmu tersebut. Definisi-definisi yang diungkapkan oleh para sarjana tersebut telahpun dihimpunkan dalam kajian daripada Khalid Hasan Abu al-Jud yang mana beliau menghimpunkan sejumlah definisi daripada sekitar 10 orang sarjana.<sup>21</sup>

Namun, terdapat kekurangan pada kajian yang dibuat oleh Khalid Abu al-Jud tersebut dari sudut kuantiti definisi yang dihimpunkan. Hal ini kerana, hasil penelitian penulis terhadap beberapa karya dalam bidang ini, didapati bahawa terdapat sejumlah definisi daripada beberapa orang sarjana lain yang tidak dimuatkan dalam kajian tersebut.<sup>22</sup> Tambahan pula, Khalid Abu al-Jud tidak membanding bezakan antara satu definisi dengan yang lain dari aspek persamaan dan perbezaan secara terperinci serta beliau langsung tidak menyentuh perbincangan tentang elemen-elemen *tahrirat* yang terkandung dalam setiap definisi.<sup>23</sup>

## Objektif Kajian

Berasaskan penjelasan di bahagian pendahuluan, kajian ini berobjektifkan berikut:

1. Menghimpunkan teks-teks definisi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang diungkapkan oleh para sarjana silam dan kontemporari.
2. Menganalisis aspek perbezaan dan persamaan semua definisi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* dari sudut struktur ayat, pemilihan perkataan dan elemen dasar *tahrirat*.

---

<sup>16</sup> ‘Āmir bin Sayyid bin ‘Uthmān. Dilahirkan di Mesir pada 16 Muḥarram 1318H. Wafat di Madinah pada 6 Shawwal 1408H dan dimakamkan di Baqi’. Lihat Al-Barmawī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 1:183.

<sup>17</sup> Īhāb bin Aḥmad Fikrī Ḥaydar bin Mūsā. Lahir di Kaherah pada 6 Zulhijjah 1374H. Kini, merupakan tenaga pengajar *al-Qirā’āt* di Masjid al-Nabawī, Madinah. Lihat Al-Barmawī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 1:82.

<sup>18</sup> Muḥammad Tamīm bin Muṣṭafā ‘Āsim al-Zu‘bī al-Ḥasanī. Dilahirkan di Homs, Syria pada 1951M. Kini, merupakan tenaga pengajar *al-Qirā’āt* di Masjid al-Nabawī, Madinah. Lihat Al-Barmawī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 1:367.

<sup>19</sup> Ibrāhīm bin Sa‘īd bin Ḥamd al-Dawsarī. Lahir di Riyadh pada 1385H bersamaan 1965M. Lihat Al-Barmawī, *Imtā’ al-Fuḍalā’*, 2:291.

<sup>20</sup> Al-Zayyāt, *Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*, 8-9.

<sup>21</sup> Al-Mutawallī, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 52-53.

<sup>22</sup> Al-Mutawallī, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 52-53.

<sup>23</sup> Al-Mutawallī, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 52-53.



## METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini sepenuhnya berbentuk penyelidikan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen sarjana *Qiraat* dan *Tahrirat al-Qiraat* silam dan kontemporari. Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis secara deduktif, induktif dan komparatif bagi menghasilkan kesimpulan yang akan menjawab objektif yang telah ditetapkan.

Penulis terlebih dahulu mengumpulkan maklumat tentang definisi-definisi terminologi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang diungkapkan oleh para sarjana melalui rujukan kepada beberapa buah buku dan artikel yang berkaitan. Fasa seterusnya adalah menganalisis aspek perbezaan dan persamaan semua definisi yang telah dihimpunkan.

## HIMPUNAN DEFINISI ILMU *TAHRIRAT AL-QIRAAT*

Definisi terminologi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang berjaya dikumpulkan adalah berjumlah 26 definisi daripada sejumlah 22 orang sarjana. 5 orang daripadanya telahpun wafat dan dikategorikan sebagai sarjana turath iaitu Sheikh Mustafa al-Azmiri (w.1156H), Sheikh Muhammad al-Mutawalli (w.1313H/1895M), Sheikh Ali al-Dabba' (w.1380H), Sheikh Ibrahim bin Ali al-Samannudi (w.1429H/2008M)<sup>24</sup>, Sheikh Abd al-Raziq Musa (w.1429H/2008M)<sup>25</sup>.

Manakala 17 orang sarjana daripadanya masih hidup hingga kini dan dikategorikan sebagai sarjana kontemporari untuk penulisan ini. Mereka adalah Dr Abd al-Basit Hashim<sup>26</sup>, Dr Ali bin Muhammad bin Taufiq al-Nahhas<sup>27</sup>, Dr Ibrahim bin Sa'ied al-Dawsari<sup>28</sup>, Dr Ihab Ahmad Fikri, Dr Khalid Hasan Abu al-Jud, Sheikh Jamal al-Din Muhammad Sharaf, Sheikh

---

<sup>24</sup> Ibrahim bin Ali bin Shihathah al-Samannudi. Dilahirkan pada tahun 1333H/1915. Lihat *al-Futuhat al-Rabbaniyyah*, 12 – 15.

<sup>25</sup> Abd al-Raziq bin Ali bin Ibrahim bin Musa. Dilahirkan pada tahun 1934. Merupakan mantan pensyarah di Kulliyah al-Quran di Universiti Islam Madinah daripada tahun 1395H hingga 1414H. Lihat *Tadrib al-Talabah*, 5.

<sup>26</sup> Abd al-Basit Hamid Muhammad Mutawalli. Dilahirkan pada tahun 1928 di Shabin al-Kum, Manufiyyah, Mesir. Muqri' yang terkenal di Mesir.

Lihat (<https://vb.tafsir.net/forum/ترجمة للشيخ عبد الباسط هاشم>).

<sup>27</sup> Nama penuhnya 'Alī bin Muhammad Tawfiq al-Nahhās. Dilahirkan di Dumyāt, Mesir pada 1358H bersamaan 1939M. Aktif dalam penulisan kitab dan suntingan ilmiah. Antara karya Ilmu *Tahrirat al-Qirā'āt* yang telah ditahkik olehnya, *Fath al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Fath al-Karīm* karya guru beliau sendiri iaitu 'Āmir bin al-Sayyid 'Uthmān. Kuliah-kuliah beliau yang berkaitan ilmu al-Quran banyak dimuatkan dalam saluran Youtube. Masih hidup hingga kini (2022). Lihat Al-Barmāwī, *Imtā' al-Fuḍalā'*, 3: 328.

<sup>28</sup> Dr Ibrahim bin Sa'ied bin Hamad al-Dawsari. Merupakan anggota lajnah pengajaran di Kulliyah Usul al-Din, Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Su'ud, Riyadh.



Muhammad al-Tamimi al-Zu'bi, Dr Ibrahim Muhammad al-Jarmi<sup>29</sup>, Sheikh Muhammad bin 'Id al-Sha'bani, Sheikh Sa'ied bin Yahya Abd al-Mu'ti, Dr al-Salim Muhammad al-Jakni, Dr Abd al-Qayyum bin Abd al-Ghafur al-Sindi<sup>30</sup>, Sheikh Muqsim Mukhtar, Dr Sami Sa'ied Abd al-Shakur<sup>31</sup>, Dr Faridah Sekiou<sup>32</sup>, Sheikh Ahmad Muflih al-Qudhah dan Dr Bashir Ahmad Di'bis<sup>33</sup>.

Semua sarjana ini masing-masing mendatangkan satu definisi, melainkan tiga orang sarjana iaitu Abd al-Raziq Musa, Ihab Fikri dan al-Jarmi yang membawakan lebih daripada satu definisi. Abd al-Raziq Musa membawakan tiga definisi dan masing-masing dua definisi daripada Ihab Fikri dan al-Jarmi.

Berikut dipaparkan teks setiap definisi dan perbincangan aspek perbezaan dan persamaan setiap daripadanya:

#### Definisi oleh Mustafa al-Azmiri<sup>34</sup>

التدقيق في القراءات وتقويمها والعمل على تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة وعدم خلط رواية بأخرى

Takrifan daripada al-Azmiri ini mencakupi empat elemen dasar ilmu *Tahrirat al-Qiraat* iaitu (عدم خلط رواية بأخرى) dan (تمييز كل رواية على حدة من طرقها), (تقويم القراءات), (التدقيق في القراءات).

Elemen pertama turut terkandung dalam definisi Abd al-Raziq Musa, Ibrahim al-Jarmi, Sami Abd al-Shakur, Ahmad Muflih al-Qudhah. Elemen kedua pula turut dinyatakan oleh Abd al-Raziq Musa, Ibrahim al-Jarmi, Ahmad Muflih al-Qudhah. Elemen ketiga diungkapkan juga oleh Abd al-Raziq Musa, Ibrahim al-Jarmi, Sami Abd al-Shakur, Ahmad Muflih al-Qudhah, Bashir Ahmad Di'bis. Manakala elemen keempat merupakan elemen yang diungkapkan oleh majoriti pendefinisi.

<sup>29</sup> Ibrahim Muhammad al-Jarmi, dilahirkan di Lubnan pada tahun 1966H. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Bahasa Arab. Mempunyai sejarah pengajian formal dan tidak formal yang luas dan lama dalam bidang Tajwid, Qiraat dan Fiqh. Lihat (<https://shamela.ws/author/2476>).

<sup>30</sup> Pensyarah di Jabatan al-Qiraat, Fakulti Usuluddin dan Dakwah, Unversiti Ummul Qura. Lihat (<https://uqu.edu.sa/aasindi/App/CV>).

<sup>31</sup> Pensyarah bidang Qiraat dan Tahrirat al-Qiraat di Universiti Taybah. Antara tokoh sarjana kontemporari yang banyak menulis dalam bidang Tahrirat al-Qiraat. Lihat (<https://twitter.com/drsamiabdshkur>).

<sup>32</sup> Dr Faridah Sikyu, Pensyarah bidang Qiraat dan Tahrirat al-Qiraat Fakulti Ulum Islamiyyah, di Universiti Batna, Algeria. Dilahirkan pada tahun 1970. Lihat (<https://scholar.google.com/citations?user=PV7yp-wAAAAJ&hl=fr>)

<sup>33</sup> Pensyarah Qiraat dan Ulum al-Quran di Jabatan al-Qiraat, Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti al-Azhar, Tanta, Mesir

<sup>34</sup> Definisi ini dinukilkan oleh Khalid Hasan Abu al-Jud pada bahagian pengenalan suntingan karya *al-Rawd al-Nadhir* dengan mengisytarkan sumbernya adalah daripada karya *Umdah al-Irfan* halaman 3. Namun, semakan pada halaman tersebut dan juga karya-karya al-Azmiri yang lain, penulis tidak menjumpai ungkapan definisi tersebut.



### Definisi oleh Muhammad al-Mutawalli<sup>35</sup> dan Ibrahim al-Dawsari<sup>36</sup>

أن التحرير هنا أي في علم القراءات هو تخلص الأوجه من التركيب

Takrifan yang dinyatakan oleh al-Mutawalli adalah ringkas dan tidak meluas meliputi beberapa elemen yang terkait dengan skop perbincangan ilmu *Tahrirat al-Qiraat* berbanding dengan definisi oleh al-Azmiri. Hal ini kerana, hanya satu elemen terkandung di dalamnya iaitu (تخلص الأوجه من التركيب). Elemen tersebut mempunyai maksud yang hampir sama dengan elemen keempat definisi al-Azmiri. Perbezaannya hanyalah dari sudut penggunaan perkataan *khalat* dan *tarkib* serta pemfokusannya pada *awjuh* dan *riwayah*.

Terdapat definisi lain mirip dengan definisi al-Mutawalli iaitu daripada Ibrahim al-Dawsari:

تخلص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها

Terdapat dua elemen yang dinyatakan dalam takrifan di atas iaitu (تخلص القراءات المختلف) dan (نسبة الطرق إلى أصحابها). Persamaan kedua-dua definisi ini adalah pada maksud elemen pertama namun berbeza dari sudut penggunaan perkataan antara *awjuh* dengan *qiraat*. Perbezaan pula boleh dilihat dari sudut penambahan elemen kedua oleh al-Dawsari yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan elemen kedua dalam takrifan oleh al-Nahhas.

### Definisi oleh Ali al-Dabba'<sup>37</sup>

تحرير المسائل هو تخلصها من الخطأ

Definisi yang diberikan oleh al-Dabba' juga berkategori ringkas sebagaimana definisi al-Mutawalli dengan hanya satu elemen sahaja disebutkan. Namun, perbezaan kedua-duanya adalah pada aspek fokus elemen yang mana definisi al-Dabba' lebih menjurus kepada (تخلصها) (من الخطأ). Pengertiannya lebih luas dan umum berbanding definisi al-Mutawalli yang mengkhususkan kepada penghindarannya daripada *tarkib*.

### Definisi oleh Ibrahim al-Samannudi<sup>38</sup>

حده يبين صحيحا أو يفصل مجملا

Takrifan oleh al-Samannudi ini juga masih termasuk dalam kategori definisi ringkas. Terdapat dua elemen yang disebut di dalamnya iaitu (يبين صحيحا) dan (يفصل مجملا). Kedua-dua

<sup>35</sup> Al-Mutawallī, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 112.

<sup>36</sup> Al-Dawsari, *al-Imam al-Mutawalli wa Juhuduh*, 336.

<sup>37</sup> Al-Dhabba', *Sharh Ithaf al-Bariyyah*, 152.

<sup>38</sup> Sa'ied bin Yahya, *al-Futuhat al-Rabbaniyyah bi Sharh al-Dawa'ie al-Samannudiyyah*, 21. Al-Samannudi, *Jami' al-Khayrat*, 480.



elemen ini tiada persamaan dengan mana-mana definisi dari sudut struktur ayatnya. Namun, elemen pertama mempunyai persamaan dari sudut maksud dengan elemen yang diungkapkan oleh Faridah Sekiou, Sa'ied Abd al-Mu'ti dan Muhammad al-Sha'bani. Manakala elemen kedua mirip dengan apa yang diungkapkan oleh Ibrahim al-Jarmi.

### Definisi oleh Abd al-Raziq Musa, Sami Abd al-Shakur dan Ahmad Muflih al-Qudhah

Terdapat tiga bentuk takrifan yang diberikan oleh Abd al-Raziq Musa. Takrifan pertama seperti berikut<sup>39</sup>:

تنقيح القراءة من أي خطأ أو خلل كالتركيب مثلاً

Takrifan pertama ini dikategorikan sebagai definisi ringkas kerana terkandung hanya dua elemen iaitu (تنقيح القراءة من أي خطأ) dan (تنقيح القراءة من أي خلل).

Takrifan kedua pula adalah<sup>40</sup>:

تنقيح القراءة من أي خطأ أو غموض، فهي بذلك تمنع التركيب في القراءات، وتمنع خلط الروايات بعضها ببعض، وتمنع إسناد القراءة لغير قارئها

Definisi kedua ini lebih luas berbanding definisi pertama. Berdasarkan struktur ayatnya yang berlainan dengan definisi-definisi sebelumnya, boleh dianggap bahawa definisi ini dibina sendiri oleh beliau. Terkandung di dalamnya lima elemen iaitu (تنقيح القراءة من أي خطأ), (تنقيح القراءة من أي خلل), (منع إسناد القراءة لغير قارئها) dan (منع خلط الروايات), (منع التركيب في القراءات), (القراءة من أي غموض). Elemen pertama adalah sama dengan elemen pertama dalam takrifan pertama di atas. Ia mirip dengan apa yang diungkapkan oleh al-Mutawalli dan al-Dabba' yang memfokuskan kepada *al-khata* tetapi berbeza dari sudut penggunaan kalimah *tanqih* dan *takhlis*. Manakala elemen kedua belum pernah diungkapkan dalam definisi-definisi sebelum ini. Seterusnya, elemen ketiga, keempat dan kelima menjurus kepada maksud penghindaran daripada *tarkib* yang mirip dengan elemen keempat definisi al-Azmiri dan al-Mutawalli.

Takrifan ketiga Abd al-Raziq Musa adalah<sup>41</sup>:

فالتدقيق في القراءات وتقويمها والعمل على تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة وعدم خلطها برواية أخرى

Takrifan beliau yang ketiga ini adalah sama dari sudut struktur ayat, pemilihan perkataan

<sup>39</sup> Abd al-Raziq Musa, *Tadrib al-Talabah*, 26.

<sup>40</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya al-Fath al-Rahmani karya Sulaiman al-Jamzuri yang ditahqiq oleh Abd al-Raziq Musa. Al-Jamzuri, *al-Fath al-Rahmani*, 24-25.

<sup>41</sup> Definisi ini dinyatakan beliau dalam karyanya *Ta'ammulat Hawl al-Tahrirat* tanpa menyatakan sumber ambilan yang boleh difahami bahawa definisi ini adalah daripada beliau sendiri. Lihat Abd al-Raziq Musa, *Ta'ammulat Hawl al-Tahrirat*, 9.



dan elemen *tahrirat* dengan definisi yang diungkapkan oleh al-Azmiri dan Ahmad Muflih al-Qudhah<sup>42</sup>. Definisi ini juga mempunyai persamaan pada sebahagian besar elemen *tahrirat* dengan definisi Sami Abd al-Shakur tapi berbeza dari sudut struktur ayat dan pemilihan perkataan, iaitu sebagaimana berikut<sup>43</sup>:

هو التدقيق في القراءات، وتمييز كل رواية على حدة، بعزوها لطرقها الصحيحة، وعدم خلط رواية بأخرى

Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (التميز كل رواية على حدة), (التدقيق في القراءات) (عزوها), (عدم خلط رواية بأخرى) dan (لطرفها الصحيحة). Perbezaannya dapat dilihat pada elemen kedua dalam takrifan Abd al-Raziq yang mana elemen ini tidak dinyatakan oleh Sami. Manakala elemen ketiga dalam definisi Sami tidak dinyatakan dalam definisi Abd al-Raziq.

#### Definisi oleh Abd al-Basit Hashim<sup>44</sup>

تنقيح القراءة القرآنية وتهذيبها، وذلك من حيث إثبات ما منع ومنع ما أثبت خطأ أو تعديل قراءة أو زيادة عليها

Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (تهذيب القراءة القرآنية), (تنقيح القراءة القرآنية) (إثبات), (تعديل قراءة أو زيادة عليها) dan (ما منع ومنع ما أثبت خطأ). Elemen pertama dan kedua turut terkandung dalam definisi-definisi lain seumpama definisi Khalid Abu al-Jud. Manakala elemen ketiga dan keempat tiada persamaan dengan mana-mana definisi sama dari sudut makna, struktur ayat atau penggunaan perkataan.

#### Definisi oleh Ali al-Nahas<sup>45</sup>

علم التحريات هو العلم الذي يبحث في أسانيد الطرق عن الرواة وعزوه أوجه القراءة إلى ناقلها حتى لا يتم تركيب بسبب خلط طريق بطريق أو إسناد قراءة لغير ناقلها

Terdapat tiga elemen di dalamnya iaitu (يبحث في أسانيد الطرق عن الرواة) (عزوه أوجه القراءة), (لا يتم تركيب) dan (إلى ناقلها). Secara zahirnya, struktur elemen pertama dan kedua ini nampak kelainan berbanding takrifan sebelumnya kerana menggunakan perkataan-perkataan yang tidak terdapat dalam definisi sebelumnya. Manakala elemen ketiga terkait dengan *tarkib* yang turut disentuh tetapi dengan laras bahasa yang berbentuk 'illah kepada kedua-dua elemen tersebut.

<sup>42</sup> Muflih al-Qudhah, *Muqaddimat Fi 'Ilm al-Qiraat*, 195.

<sup>43</sup> Sami Abd al-Shakur, *Tahrir al-Nashr*, 8.

<sup>44</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya al-Rawḍ al-Nadīr karya Muhammad al-Mutawalli yang ditahqiq oleh Khalid Hasan Abu al-Jud. Al-Mutawalli, *al-Rawḍ al-Nadīr*, 53.

<sup>45</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya Fath al-Qadir karya Amir Uthman yang ditahqiq oleh Ali al-Nahas. Amir Uthman, *Fath al-Qadir*, 3.



Al-Nahhas turut memperincikan punca *tarkib* dengan mendatangkan dua sebab iaitu ‘percampuran sesuatu tariq dengan tariq yang lain’ dan ‘penyandaran/penisbahan sesuatu bacaan kepada selain pembawanya’.

### Definisi oleh Ihab Ahmad Fikri

Terdapat dua bentuk definisi daripada beliau. Pertama<sup>46</sup>:

ضبط عزو المرويات إلى الطرق التي وردت منها حيث لا ينسب حرف لغير من ورد عنه

Definisi kedua<sup>47</sup>:

هو الاجتهاد بالبحث والتحري لوضع تقييدات لما أطلقه الإمام ابن الجزري في طيبته من أوجه للقراءة وذلك طبقا للطرق التي أسندت منها القراءات، وببساطة فالتحريرات هي منع أوجه للقراءة يفيد ظاهر الطيبة جوازها

Definisi pertama terlalu ringkas yang mana hanya terdapat satu elemen di dalamnya iaitu (ضبط عزو المرويات إلى الطرق). Elemen ini mempunyai maksud yang hampir sama dengan elemen kedua dalam takrifan oleh al-Nahhas dan al-Dawsari.

Manakala definisi kedua dilihat lebih memfokuskan kepada definisi untuk *Tahrirat al-Tayyibah*. Namun, elemen-elemen yang terdapat di dalamnya dilihat boleh disesuaikan sebagai definisi untuk ilmu *Tahrirat al-Qiraat*. Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (الاجتهاد) (منع أوجه للقراءة) dan (طبقا للطرق التي أسندت منها القراءات), (وضع تقييدات لما أطلق), (بالبحث والتحري) (يفاد جوازها). Elemen pertama lebih menjurus kepada definisi *tahrirat* dari sudut bahasa. Manakala elemen kedua hingga empat merupakan elemen baru yang belum pernah disebut dalam definisi yang lepas. Secara keseluruhannya, kedua-dua definisi ini dilihat berlainan daripada definisi-definisi lain dari sudut struktur ayat dan penggunaan perkataan.

### Definisi oleh Khalid Hasan Abu al-Jud<sup>48</sup> dan Muqsim Mukhtar

هو علم يبحث في تنقيح القراءة القرآنية التي ذكرت في كتاب النشر وتهذيبها وتخليص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها بحيث لا ينسب حرف لغير من ورد عنه

Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (تنقيح القراءة القرآنية), (تهذيب القراءة القرآنية), (وتخليص القراءات من التركيب) dan (نسبة الطرق إلى أصحابها). Elemen pertama adalah sama dengan

<sup>46</sup> Ihab Fikri, *al-Durar al-Zahirah*, 1.

<sup>47</sup> Ihab Fikri, *Taqrib al-Tayyibah*, 589.

<sup>48</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya al-Raudh al-Ndhir karya Muhammad al-Mutawalli yang ditahqiq oleh Khalid Hasan Abu al-Jud. Al-Mutawalli, *al-Rawḍ al-Naḍīr*, 112.



ungkapan yang di bawa oleh Abd al-Raziq Musa. Elemen kedua turut dinyatakan oleh Abd al-Basit dan Jamal al-Din Sharaf, Elemen ketiga pula adalah sama dengan apa yang diungkapkan oleh al-Mutawalli. Manakala elemen keempat mempunyai maksud yang hampir sama dengan elemen kedua dalam takrifan oleh al-Nahhas.

Definisi ini dilihat mirip dengan definisi Muqsim Mukhtar<sup>49</sup>:

هو علم يبحث في تنقيح القراءات القرآنية وتهذيبها وتخليص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها

Kesemua elemen yang terkandung dalam definisi Khalid Hasan juga terkandung dalam definisi Muqsim Mukhtar dengan persamaan dari sudut struktur dan pemilihan perkataan. Namun, definisi Khalid lebih memfokuskan bacaan Qiraat dalam kitab al-Nashr, berbeza dengan definisi Muqsim Mukhtar yang lebih bersifat umum.

#### Definisi oleh Jamal al-Din Sharaf<sup>50</sup>

تنقيح القراء، وتهذيبها، وعدم خلط الروايات بعضها ببعض، فهي تسند الوجه لصاحبها

Terdapat empat elemen di dalamnya, iaitu (تنقيح القراء), (تهذيب الروايات), (عدم خلط الروايات) dan (تسند الوجه لصاحبها). Tiga daripada empat elemen di atas telah pun dinyatakan dalam definisi-definisi yang lepas. Elemen pertama adalah sama dengan ungkapan yang di bawa oleh Abd al-Raziq Musa. Elemen kedua pula adalah sama dengan ungkapan yang di bawa oleh Khalid Hasan Abu al-Jud. Elemen keempat pula menyamai apa yang telah diungkapkan oleh al-Nahhas. Elemen ketiga pula membawa maksud yang sama dengan *tarkib* yang mana telah disebut oleh majoriti pendefinisi.

#### Definisi oleh Muhammad al-Zu'bi<sup>51</sup>

تمييز الأوجه الواجبة المختلف فيها عن الراوي بناء على عزوها إلى طرق ذلك الراوي وتخليصها من التركيب والخلط

Tiga elemen terkandung dalam definisi ini iaitu (تمييز الأوجه عن الراوي), (عزو الأوجه إلى طرق ذلك), (تخليص الأوجه من التركيب والخلط) dan (الراوي). Secara umumnya, ketiga-tiga elemen ini telahpun disebut dalam definisi-definisi lain. Meskipun begitu, ketiga-tiganya berbeza secara total dari sudut struktur ayat jika dibandingkan dengan definisi lain.

<sup>49</sup> Muqsim Mukhtar, *Ilm Tahrirat*, 579.

<sup>50</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya Ghaith al-Rahmah hasil tulisan al-Ibyari yang ditahqiq oleh Jamal al-Din Sharaf. Al-Ibyari, *Ghaith al-Rahman*, 12.

<sup>51</sup> Lihat muqaddimah tahqiq karya *Tanqih Fath al-Karim* hasil tulisan al-Zayyat dan lain-lain yang ditahqiq oleh Muhammad al-Zu'bi. Al-Zayyat et.al, *Tanqih Fath al-Karim*, 16.

### Definisi oleh Ibrahim al-Jarmi

Al-Jarmi membawakan dua bentuk definisi. Pertama<sup>52</sup>:

التدقيق في القراءات المروية وتقويمها، وتمييز كل رواية على حدة، وتتبع أوهام العلماء القراء في كتبهم  
 ومنظوماتهم

Definisi pertama adalah meliputi ilmu Tahrirat al-Qiraat secara umum. Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (التدقيق في القراءات), (تقويم القراءات), (تمييز كل رواية على حدة) dan (تتبع أوهام العلماء القراء في كتبهم ومنظوماتهم). Elemen pertama hingga ketiga adalah mirip dengan definisi al-Azmiri dan Abd al-Raziq Musa. Manakala elemen keempat tiada persamaan dengan mana-mana definisi dari sudut maksud dan struktur ayat.

Definisi kedua<sup>53</sup>:

فتحرير الشاطبية أو الطيبة أو الدرّة مثلاً، إنما يكون بتفصيل ما أجملته تلك المنظومات وتقييد مطلقها أو  
 التنبيه على الأوجه الضعيفة أو الخارجة عن الطرق التي ألزم المؤلف نفسه بها

Terdapat empat elemen di dalamnya iaitu (تفصيل المجلل), (تقييد المطلق), (التنبيه على الأوجه الضعيفة) dan (التنبيه على الأوجه الخارجة عن طرق كتاب). Definisi ini lebih khusus kepada *tahrirat al-Shatibiyyah*, *al-Tayyibah* dan *al-Durrah*. Meskipun begitu, elemen-elemen yang terdapat di dalamnya masih boleh disesuaikan dan diluaskan sebagai elemen dalam ilmu Tahrirat al-Qiraat.

Tidak ramai pendefinisi yang mengungkapkan elemen-elemen yang terdapat dalam definisi ini. Elemen pertama hanya diungkapkan oleh al-Samannudi, elemen kedua oleh Ihab Fikri dan elemen ketiga oleh Sa'ied Abd al-Mu'ti. Manakala elemen keempat tiada persamaan dengan mana-mana definisi.

### Definisi oleh Muhammad al-Sha'bani<sup>54</sup>

التدقيقات في الأوجه المذكورة لكل قارئ لمعرفة ما يقبل منها وما لا يقبل، وما يصح تركيبه على غيره وما  
 يمتنع

Terdapat lima elemen di dalamnya iaitu (التدقيقات في الأوجه), (معرفة ما يقبل منها), (معرفة ما لا يقبل منها), (معرفة ما يصح تركيبه), (لا يقبل منها) dan (معرفة ما يمتنع تركيبه). Kesemua elemen di atas banyak

<sup>52</sup> Al-Jarmi, *Mu'jam Ulum al-Quran*, 80.

<sup>53</sup> Al-Jarmi, *Mu'jam Ulum al-Quran*, 80.

<sup>54</sup> Al-Sha'bani, *Sharh Tahrirat al-Sha'baniyyah*, 15.



dinyatakan dalam definisi lain. Namun, terdapat dengan apa yang diungkapkan oleh al-Sha'bani dari sudut struktur ayat.

#### Definisi oleh Sa'ied Abd al-Mu'ti<sup>55</sup>

علم يبين صحيح الطرق وضعيفها ويخلص الطرق والأوجه من التركيب

Takrifan ini mengandungi empat elemen iaitu (يبين ضعيف الطرق), (يبين صحيح الطرق), (يخلص الأوجه من التركيب) dan (يخلص الطرق من التركيب). Kesemua elemen di atas telahpun diungkapkan dalam definisi-definisi lain. Namun, ia mempunyai perbezaan dengan apa yang diungkapkan oleh Said Abd al-Mu'ti dari sudut struktur ayat.

#### Definisi oleh al-Salim al-Jakni<sup>56</sup>

هو الذي يعنى بعزو أوجه القراءات إلى طرقها ومصنفاتها في دقة متناهية مع بيان الجائز منها والممنوع حال الإقراء

Takrifan ini mengandungi empat elemen iaitu (عزو أوجه), (عزو أوجه القراءات إلى طرقها), (بيان الممنوع منها حال الإقراء) dan (بيان الجائز منها حال الإقراء). Kesemua elemen di atas telahpun diungkapkan dalam definisi-definisi lain. Namun, ia mempunyai perbezaan dengan apa yang diungkapkan oleh al-Jakni dari sudut struktur ayat.

#### Definisi oleh Abd al-Qayyum al-Sindi<sup>57</sup>

علم بتمييز القراءات وتنقيح الروايات وتهذيب الطرق والتحري بالدقة في صحة عزوها لناقلها بعرضها على مصادرها الأصلية منعا للتركيب والتلفيق

Definisi oleh al-Sindi ini mengandungi lima elemen iaitu (تنقيح الروايات), (تمييز القراءات), (عزوها لناقلها), (تهذيب الطرق) dan (عرضها على مصادرها الأصلية). Elemen pertama, kedua, ketiga dan kelima ada diungkapkan dalam definisi lain namun berbeza dari sudut struktur ayat. Manakala elemen keempat pula mempunyai persamaan struktur ayatnya dengan ungkapan oleh Faridah Sekiou.

<sup>55</sup> Sa'ied Abd al-Mu'ti, *al-Futuh al-Rabbaniyyah*, 21.

<sup>56</sup> Al-Jakni, *Masail Min al-Tahrirat*, 649.

<sup>57</sup> Al-Sindi, *al-Burhan al-Asdaq*, 362.

### Definisi oleh Faridah Sekiou<sup>58</sup>

إن التحريات هي عملية التحقيق والتدقيق في طرق القراءات، ورواياتها وطرقها وأوجهها الواردة في الآية، أو اللفظة القرآنية، أو في كفيات الأداء، وتحرير الصحيح منها عن غيره، أي تمييزه منها، وعزوها لناقليها، احترازا عن اختلاط بعضها ببعض في الأداء وتجنبنا للتلفيق والتركيب بينها

Takrifan ini dilihat lebih terperinci berbanding dengan yang lain di mana terdapat sembilan elemen di dalamnya iaitu (التحقيق والتدقيق في طرق القراءات), (التحقيق والتدقيق في روايات), (التحقيق والتدقيق في اللفظة القرآنية), (التحقيق والتدقيق في أوجه القراءات), (القراءات تجنبا) dan (احترازا عن اختلاط بعضها ببعض في الأداء), (عزوها لناقليها), (تمييز الصحيح منها), (كفيات الأداء). Kesemua elemen di atas telahpun terdapat dalam definisi-definisi yang lepas kecuali elemen yang kelima. Elemen pertama, kedua, ketiga, keempat, keenam, kelapan dan kesembilan ada diungkapkan dalam definisi lain namun berbeza dari sudut struktur ayat. Manakala elemen ketujuh pula mempunyai persamaan struktur ayatnya dengan ungkapan oleh al-Sindi.

### Definisi Bashir Ahmad Di'bis<sup>59</sup>

التحرير: هو مراعاة تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة مع عدم خلط هذه الروايات أو الطرق بعضها ببعض أثناء القراءة مع عزو كل وجه إلى قارئه منعا للتركيب

Terdapat lima elemen di dalamnya yang mana kesemuanya adalah hampir sama dengan elemen-elemen yang terdapat dalam definisi-definisi yang lepas. Lima elemen tersebut adalah (عزو كل وجه إلى), (عدم خلط الطرق), (عدم خلط الروايات), (تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة) dan (منعا للتركيب). Elemen pertama dan kedua adalah mirip dengan ungkapan al-Azmiri, Abd al-Raziq Musa, Jamal al-Din Sharaf, Sami Abd al-Shakur dan Ahmad Muflih al-Qudhah. Elemen ketiga pula mempunyai persamaan struktur ayatnya dengan ungkapan oleh al-Nahhas. Manakala elemen keempat dan kelima ada diungkapkan dalam definisi lain namun berbeza dari sudut struktur ayat.

<sup>58</sup> Faridah Sekiou, *al-Tahrirat wa al-Ikhtiyarat*, 2.

<sup>59</sup> Bashir Ahmad Di'bis, *Muhadharat Fi al-Tahrirat Wa al-'Uzw*, Tanta: Kuliyyah al-Quran al-Karim Li al-Qiraat Wa Ulumiha, 48.



## RUMUSAN HASIL DAPATAN

Kajian merumuskan beberapa poin penting iaitu seperti di bawah:

### Himpunan Definisi

1. Keseluruhan definisi terminologi ilmu Tahrirat al-Qiraat yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 26 definisi daripada sejumlah 22 orang sarjana ilmu *Qiraat* dan *Tahrirat al-Qiraat*.
2. 5 orang daripadanya telahpun wafat dan dikategorikan sebagai sarjana turath. Manakala 17 orang sarjana daripadanya masih hidup hingga kini dan dikategorikan sebagai sarjana kontemporari untuk penulisan ini.
3. Masing-masing mendatangkan satu definisi, melainkan tiga orang sarjana iaitu Abd al-Raziq Musa, Ihab Fikri dan al-Jarmi yang membawakan lebih daripada satu definisi. Abd al-Raziq Musa membawakan tiga definisi dan masing-masing dua definisi daripada Ihab Fikri dan al-Jarmi.
4. Dari sudut definisi yang ringkas hingga terperinci, terbahagi kepada tiga bentuk:
  - a. Definisi ringkas (terkandung satu elemen *tahrirat*) iaitu definisi daripada al-Mutawalli, al-Dabba' dan Ihab Fikri.
  - b. Definisi sederhana ringkas (dua elemen *tahrirat*) iaitu Abd al-Raziq Musa (takrifan pertama), al-Dawsari dan al-Samannudi.
  - c. Definisi terperinci (tiga elemen *tahrirat* dan ke atas) merupakan majoriti pendefinisi.

### Aspek Persamaan dan Perbezaan

1. Secara umum, sebahagian besar definisi yang diberikan tersebut dilihat bervariasi dan mempunyai perbezaan sama ada dari sudut struktur ayat, pemilihan perkataan dan elemen dasar *tahrirat*.
2. Terdapat lima kategori definisi dari sudut persamaan dan perbezaan jumlah elemen dasar *tahrirat* yang terkandung dalamnya iaitu:
  - a. Tiga definisi yang hanya mengandungi satu elemen dasar *tahrirat* iaitu daripada al-Mutawalli, al-Dabba' dan Ihab Fikri.
  - b. Tiga definisi (al-Samannudi, Abd al-Raziq Musa, al-Dawsari) lain mengandungi 2 elemen.
  - c. Dua definisi (al-Nahhas, al-Zu'bi) mengandungi 3 elemen.
  - d. Empat definisi (Abd al-Raziq Musa, al-Sha'bani, al-Sindi, Bashir Ahmad Di'bis) mengandungi 5 elemen.
  - e. Majoriti definisi (13 definisi) mengandungi 4 elemen.
3. Terdapat lima definisi yang mempunyai persamaan dari sudut struktur ayat, pemilihan perkataan dan elemen-elemen dasar *tahrirat*, iaitu:
  - a. Definisi daripada Ahmad Muflih al-Qudhah yang menyamai takrifan daripada al-Azmiri dan Abd al-Raziq Musa.
  - b. Definisi Muqsim Mukhtar menyamai definisi Khalid Abu al-Jud.
4. Terdapat enam definisi yang mempunyai persamaan pada sebahagian besar elemen *tahrirat* tapi berbeza dari sudut struktur ayat dan pemilihan perkataan, iaitu:



- a. Takrifan daripada Sami Abd al-Shakur yang mirip dengan definisi oleh Ahmad Muflih al-Qudhah, Abd al-Raziq Musa dan al-Azmiri.
  - b. Takrifan al-Dawsari dengan al-Mutawalli.
5. Manakala Majoriti definisi lain hanyalah sama pada sebahagian elemen *tahrirat* tapi berbeza dari sudut struktur ayat dan pemilihan perkataan.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penulisan ini secara tidak langsung memperlihatkan variasi definisi terminologi ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang mana setiap daripadanya mempunyai keunikan, kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Dapatan ini diharapkan memberi impak dalam merungkaikan kekusutan berkaitan persoalan-persoalan yang dibincangkan.

Akhir sekali, bagi melengkapkan lagi dapatan data penulisan ini, penyelidik mencadangkan supaya kajian-kajian mendatang memfokuskan kepada pengkategorian setiap elemen dasar *tahrirat* yang terkandung dalam semua definisi tersebut dengan melihat kepada sudut persamaan elemen dan seterusnya dibuat analisis dan penilaian secara terperinci bagi menghasilkan satu definisi baharu ilmu *Tahrirat al-Qiraat* yang lebih menyeluruh dan mudah difahami. Hal ini penting untuk para pemula ilmu ini bagi mendapatkan gambaran lebih jelas tentang perbahasan ilmu ini dengan lebih komprehensif.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rāziq Mūsā (2008). *Tadrīb al-Ṭalabah ‘alā Tahrīrāt al-Ṭayyibah*. Kuwait: Ghirrās.
- ‘Amir ‘Uthmān al-Sayyid (2012). *Faṭḥ al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*. ed. ‘Alī Muḥammad Tawfīq al-Naḥḥās. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Azmīrī, Muṣṭafā bin ‘Abd al-Raḥmān (2006). *‘Umdah al-‘Irfān fī Tahrīr Awjuh al-Qur’ān*. ed. Muḥammad Jābir dan ‘Abd al-‘Azīz al-Zayyāt. Kaherah: Maktabah al-Jundī.
- Al-Barmāwī Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn (2007). *Imtā‘ al-Fuḍalā’ bi Tarājim al-Qurrā’*. cet. ke-2. Madīnah: Maktabah Dār al-Zamān.
- Bashir Ahmad Di’bis (t.t), *Muhadharat Fi al-Tahrirat Wa al-‘Uzw*, Tanta: Kuliyyah al-Quran al-Karim Li al-Qiraat Wa Ulumiha.
- Al-Ḍabbā‘, Ali bin Muhammad (2004) *Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- \_\_\_\_\_ (2007). *Sharḥ Ithāf al-Bariyyah bi Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*. ed. Abū al-Khayr ‘Umar bin Mālam. Riyadh: Aḍwā’ al-Salaf.
- Al-Dānī Abū ‘Amr ‘Uthmān bin Sa‘īd (2006). *Al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab‘*. Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd.
- Īhāb Aḥmad Fikrī (2010). *Taqrīb al-Ṭayyibah*. cet. ke-2. Kaherah: Maktabah al-Islāmiyyah.
- Al-Jamzūrī, Sulaymān bin Ḥusayn (2006). *al-Faṭḥ al-Raḥmānī Sharḥ Kanz al-Ma‘ānī bi Tahrīr Ḥirz al-Amānī*. ed. ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Mutawallī, Muḥammad bin Aḥmad (2006). *al-Rawḍ al-Naḍīr*. ed. Khālid Ḥasan Abū al-Jūd. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.



- Al-Şafaqisī, ‘Alī al-Nurī (1999). *Ghayth al-Naf‘ fī al-Qirā’āt al-Sab‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sha‘bānī Muḥammad bin ‘Īd (2006). *Sharḥ al-Taḥrīrāt al-Marḍiyyah ‘alā Matn al-Shāṭibiyyah*. Ṭanṭā: Dār al-Şahābah, 2006.
- Al-Shāṭibī al-Qāsim bin Firruh (2011). *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*. ed. Muḥammad Tamīmī al-Zu’bī. Kaherah: Maktabah al-Mawrid.
- Al-‘Ubaydī, Ibrahim bin Badwi (2009). *al-Taḥārīr al-Muntakhabah*. ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd. Mesir: Maktabah ‘Ibād al-Raḥmān.